

13 NOV 2000

Mahathir-Semangat

SIDANG OIC KALI INI LEBIH BERSEMANGAT, KATA PM

DOHA (Qatar), 13 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kali ini lebih bersemangat terutamanya berhubung isu Palestin dengan ucapan yang agak keras oleh pemimpin-pemimpin Islam.

"Mereka secara terbuka mengecam Amerika Syarikat, umpamanya sehingga ada yang mengesyorkan supaya hubungan diplomatik dengan Amerika diputuskan jika ia memindahkan kedutaannya dari Tel Aviv ke Al-Quds (Baitulmaqdis).

"Saya yakin kalau tidak ada respons kepada pendirian OIC ini, banyak negara OIC akan bertindak," katanya kepada wartawan Malaysia di Kelab Diplomatik selepas diraikan pada jamuan malam oleh rakyat Malaysia di Qatar sempena lawatannya ke sini untuk menghadiri sidang kemuncak OIC kesembilan.

Rakyat Palestin ingin menubuhkan sebuah negara berdaulat dengan Al-Quds Al-Sharif sebagai ibu negara tetapi Amerika syarikat, sekutu kuat Israel, baru-baru ini berkata ia mungkin memindahkan kedutaannya di Tel Aviv ke Baitulmaqdis dan ini menimbulkan kecaman hebat daripada pelbagai pihak.

Dr Mahathir juga berkata perpaduan di kalangan 56 negara anggota OIC juga nampaknya lebih baik.

Mengenai tawaran Malaysia untuk menjadi tuan rumah sidang kemuncak OIC ke-10 pada 2003, Perdana Menteri berkata: "Nampaknya banyak juga sokongan."

Ditanya tentang saranan Malaysia supaya OIC disusun semula, Dr Mahathir berkata badan-badan seperti OIC telah menjadi terlalu besar sehingga sukar untuk bergerak secara berkesan.

Katanya beliau tidak mengetahui sejauh mana sambutan negara Islam memandangkan perkara itu belum dibahaskan.

Dr Mahathir juga diminta mengulas hasil pertemuan dua hala antara beliau dan beberapa pemimpin Islam.

Katanya Presiden Senegal Abdoulaye Wade mahu supaya Malaysia lebih aktif melabur di negaranya.

"Dia nyatakan potensi Senegal termasuk dalam (industri) kapas dan lain-lain," kata Dr Mahathir.

Presiden Omar Hassan Al-Bashir dari Sudan pula meminta Malaysia melabur dalam sebuah projek hidroelektrik yang besar di negara itu.

"Itu sedang kita kaji," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata pemimpin Sudan itu juga mahu melihat penglibatan Malaysia dalam bidang pengangkutan.

Beliau berkata Perdana Menteri Lubnan, Rafik Hariri mencadangkan supaya diwujudkan penerbangan terus antara kedua-dua negara.

"Dia juga bersedia memberi 'fifth freedom right' kepada kita bagi membolehkan kita mengambil penumpang di Lubnan untuk pergi ke tempat-tempat lain," katanya.

Lubnan juga ingin supaya kerjasama dalam bidang-bidang lain antara kedua-dua negara diwujudkan.

Dr Mahathir berkata Presiden Abdi Kassim Salad dari Somalia pula memberitahunya bahawa kerajaan Somalia baru sahaja dipulihkan dan meminta Malaysia mengadakan pelaburan di negara itu.

Putera Mahkota Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud dari Arab Saudi pula berminat agar hubungan Riyadh-Kuala Lumpur diperkukuhkan, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir akan mengadakan beberapa lagi pertemuan dengan pemimpin Islam hari ini sebelum berlepas dari Doha malam ini.

Sidang kemuncak tiga hari itu berakhir esok.

-- BERNAMA  
MAM MAI